

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah
Sent: Wednesday, April 12, 2017 4:57 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Kamarudin B Ahmad; Dr. Mohamed Ali bin Haniffa; Dr. Mohd. Nizho bin Abdul Rahman; Mohammad Faizal bin Haji Azid @ Aziz
Subject: PROGRAM TEAMBUILDING KEMBARA ALAM JERAI 2017



**PUSAT PENGAJIAN
BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH**
SCHOOL OF LANGUAGES, CIVILISATION & PHILOSOPHY
Universiti Utara Malaysia

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia



DERUAN AIR TERJUN SERI PERIGI MENJADI SAKSI KEUTUHAN IKATAN UKHUWAH WARGA PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH (SLCP), UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Curahan air terjun yang memutih mengalir deras di celahan batu-batu, membuatkan mata terpaku dengan keindahan alam ciptaan Allah S.W.T. Air terjun Seri Perigi seakan-akan memanggil para pengunjung untuk singgah ke situ menikmati deruan air terjunnya yang dikatakan antara yang tertinggi di negeri Kedah. Mempunyai ketinggian 100 meter, air terjun Seri Perigi merupakan antara kawasan perkelahan popular.

Keindahan flora dan fauna yang masih belum terusik, kawasan ini juga merupakan kawasan yang ideal untuk mengadakan program yang berbentuk *teambuilding*. Landskap yang menarik di kawasan ini yang dikelilingi sawah padi, serta berlatar belakangkan keindahan Gunung Jerai menjadikan trek Seri Puteri menjadi pilihan warga SLCP untuk merealisasikan program *teambuilding* Kembara Alam – Jerai pada 6 April 2017.

Program Kembara Alam Jerai bertujuan mewujudkan persefahaman dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan warga SLCP. Diketuai oleh Dekan, Prof Madya Dr Kamarudin bin Ahmad dan 60 orang staf pentadbiran dan akademik, perjalanan dimulakan seawal jam 7 pagi. Pengarah program, Dr Mohd Nidzho Bin Abdul Rahman melahirkan rasa kesyukuran kerana cuaca telah mengizinkan kami untuk menerokai keindahan Jerai. Pada awal pendakian, pelbagai cabaran dan dugaan yang terpaksa di hadapi. Namun, berkat ketabahan dan kerjasama yang erat dalam kalangan warga SLCP segala rintangan ditempuhi dengan berani.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH (SLCP)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL: 049285701/5703/5706/5707

FAKS: 049285709



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.